

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)**

**PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**  
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN** menyatakan langkah yang diambil untuk memantau  
gejala penyelewengan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak  
seluruh negara dan sejauh mana keberkesanan pemantauan tersebut.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Langkah-langkah berikut telah dilaksanakan bagi menghalang penyelewengan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak seluruh negara:

- i) Menetapkan kuota jualan minyak diesel di stesen-stesen minyak. Permohonan tambahan kuota diesel oleh mana-mana syarikat minyak akan dikaji dari semasa ke semasa;
- ii) Mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak agar jualan diesel hanya untuk tangki kenderaan sahaja dan tidak boleh menggunakan bekas atau tong kecuali atas kebenaran Pengawal melalui Permit Barang Kawalan Berjadual (Khas);
- iii) Mengambil tindakan undang-undang kepada pengusaha stesen minyak yang melanggar syarat lesen, iaitu setiap pengusaha hendaklah memastikan bekalan diesel mencukupi setiap masa;
- iv) Mengarahkan syarikat-syarikat minyak mengemukakan maklumat penghantaran minyak ke stesen-stesen bagi memantau mana-mana stesen yang membuat pembelian diesel dalam kuantiti yang meragukan untuk diambil tindakan;
- v) Stesen minyak dalam lingkungan 50 kilometer dari sempadan, dibenarkan menjual diesel tidak melebihi 20 liter kepada kenderaan-kenderaan berpendaftaran asing. Notis larangan juga dipamerkan di semua stesen minyak dan pemilik stesen diwajibkan mematuhi arahan ini;

- vi) Menghadkan waktu operasi stesen minyak dalam lingkungan 10 kilometer dari sempadan sehingga jam 10.00 malam;
- vii) Mewartakan barang kawalan minyak petrol RON95 dan minyak diesel sebagai barangan Larangan Eksport di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011. Peraturan ini berkuatkuasa mulai tahun 2011; dan
- viii) Kementerian telah mengadakan kerjasama dan Operasi Khas dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Ikatan Relawan Rakyat (RELA), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Angkatan Tentera Malaysia bagi mengekang aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi.

Melalui pelaksanaan penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan perundangan subsidiari, pada tahun 2013, sebanyak 59 buah stesen minyak telah diambil tindakan.